

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8377

SOALAN:

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah proses serta prosedur yang digunakan oleh Datuk Zahid Hamidi untuk mengeluarkan arahan melalui pejabat Peguam Negara pada jam 9 malam pada 27 Ogos 2015 bagi mengharamkan apa-apa pakaian berwarna kuning dan yang mengandungi perkataan “Bersih 4” serta apa-apa bahan bercetak lain dan risalah yang mendorong kepada perhimpunan Bersih memandangkan kebebasan berhimpun termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perintah ini dibuat oleh Menteri Dalam Negeri di bawah Subseksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 [Akta 301] yang menggariskan sebarang pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil penerbitan yang diperihalkan dalam Jadual yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, yang mungkin memudaratkan keselamatan, yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang dan yang mungkin memudaratkan kepentingan negara; adalah dilarang secara mutlak di seluruh Malaysia.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengenakan perintah larangan terhadap sebarang percetakan, penjualan dan pemilikan apa-apa pakaian yang berwarna kuning dan yang mengandungi perkataan ‘Bersih 4’ serta risalah yang mendorong kepada perhimpunan Bersih 4 tersebut di bawah perintah larangan bernama Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tidak Diingini) (No.22) 2015 yang mula berkuatkuasa pada 28 Ogos 2015.

Perintah ini juga dikeluarkan memandangkan perhimpunan ini adalah dianjurkan oleh pertubuhan yang tidak berdaftar dengan

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan ia tidak diberi kebenaran untuk mengadakan perhimpunan di Dataran Merdeka dan di tempat-tempat yang lain.

Walaupun kebebasan berhimpun termaktub dalam Perlembagaan Malaysia tetapi kebebasan yang diberikan bukan secara mutlak tapi mempunyai sekatan-sekatan tertentu di bawah Perkara 10(2) demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau kententeraman awam.